

24/02/1997

MCA turut perangi gejala sosial

KUALA LUMPUR, Ahad - MCA akan melancarkan gerakan besar-besaran di seluruh negara bagi membantu kerajaan memerangi gejala sosial di kalangan remaja yang kini semakin serius.

Presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata parti itu yakin masalah itu dapat dikawal jika semua pihak bekerjasama dan tidak bersikap lepas tangan.

Menurutnya, MCA akan menjadikan ibu bapa sebagai golongan sasaran kerana yakin pendidikan awal di rumah adalah penentu masa depan golongan remaja.

"Kita berpendapat fungsi ibu bapa adalah yang terpenting sekali, kalau ibu bapa tidak peduli, anak mereka akan rosak, saya percaya sebarang saranan untuk menangani gejala sosial harus tumpu kepada ibu bapa terlebih dahulu.

"Sehubungan itu, MCA akan menganjurkan kursus keibubapaan dan kita ada banyak pakar untuk memberi garis panduan serta bimbingan kepada ibu bapa tanpa mengira kaum.

"Ini adalah sebahagian daripada strategi kita dan kita akan memperjuangkannya habis-habisan," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Pergerakan Ketrampilan Wanita anjuran Wanita MCA di ibu pejabat parti itu, di sini hari ini.

Semalam, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kes jenayah membabitkan pelajar seperti penyalahgunaan dadah dan samseng kini sangat serius dan tidak boleh disembunyikan lagi.

Menurutnya, walaupun perkara itu disebut secara terbuka, masih ada yang mahu menyembunyikannya dan tidak mahu menonjolkan keburukan tanpa menyedari gejala itu semakin merebak.

Sepanjang minggu ini saja, polis menahan 95 pelajar di Johor dan Pahang kerana disyaki terbabit dalam kongsi gelap serta pengedaran dan penagihan dadah.

Sebelum itu, polis turut menahan tujuh pelajar untuk disoal siasat berhubung kes pembunuhan seorang pelajar di Sekolah Menengah Datuk Abdul Rahman Yassin, Johor Bahru.

Dr Ling juga berjaya, MCA akan memperkenalkan sukan sebagai strategi untuk mengelakkan remaja terbabit dalam gejala sosial.

Menurutnya, empat pemimpin MCA kini memegang jawatan pengerusi dalam persatuan sukan iaitu beliau dalam bina badan; Datuk Loke Yuen Yow (bola keranjang); Datuk Chan Kong Choy (ping pong) dan Datuk Wong See Wah (catur Cina).

"Kita akan menggunakan semua kemudahan yang ada untuk mempopularkan sukan sebagai kegiatan sihat yang sepatutnya dijadikan alternatif daripada terbabit dalam gejala tidak sihat.

"Sebagai contoh, pada September ini, saya minta Loke cuba bawa pemain bola keranjang terkenal, Michael Jordan ke Malaysia untuk membuat pertunjukan dan naikkan semangat remaja dalam sukan ini," katanya.

Mengulas pelancaran Pergerakan Ketrampilan Wanita, Dr Ling berkata pergerakan yang bertemakan Ketrampilan Wanita, Masyarakat Maju itu bertujuan meningkatkan martabat wanita terutama di kawasan pedalaman.

"Antara kegiatannya ialah kaunseling, ceramah, pendidikan serta kursus. Ini adalah salah satu cara untuk membawa wanita ke arah yang lebih cemerlang. Kita mahu mereka mempunyai kemahiran dan pendidikan," katanya.

(END)